

Konflik Antara Hak Wali Mujbir di Bawah Hukum Syarak dan Peruntukan Had Umur Minimum Perkahwinan

Syh Noorul Madiah Syed Husin
Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda

Abstrak

Dalam mazhab Syafi'e, bapa dan datuk sebelah bapa merupakan wali mujbir yang berhak mengahwinkan anak atau cucu perempuannya yang masih gadis tanpa perlu meminta izin daripada gadis tersebut. Walau bagaimanapun, peruntukan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia telah menetapkan had umur minimum perkahwinan bagi bakal pengantin perempuan adalah 16 tahun dan sesebuah perkahwinan itu tidak boleh dilakukan tanpa mendapat keizinan Hakim Syarie. Konflik antara dua isu ini menimbulkan pelbagai polemik dalam kalangan masyarakat terutamanya mereka yang bukan berada dalam bidang syariah dan undang-undang. Artikel ini akan mengenalpasti had kuasa wali mujbir dalam mazhab Syafie. Ia juga akan membincangkan objektif di sebalik ketetapan kuasa wali di bawah hukum syarak dan peruntukan had umur minimum perkahwinan dalam Undang-undang Keluarga Islam Malaysia. Seterusnya, ia akan meneliti sama ada terdapat pertentangan antara dua isu tersebut atau sebaliknya. Bagi memenuhi objektif ini, kaedah analisis dokumen melalui sorotan kitab-kitab fiqh telah digunakan. Rujukan juga dibuat kepada peruntukan seksyen 8 Akta 303. Dapatan menunjukkan walaupun syarak telah memberi kuasa ijabar (paksa) kepada wali mujbir untuk mengahwinkan anak atau cucunya, namun kuasa ini hanya berhak digunakan setelah menepati syarat-syarat yang tertentu. Penetapan ini adalah selari dengan objektif peruntukan had umur minimum perkahwinan iaitu untuk menjaga kemaslahatan bakal pengantin perempuan.

Kata kunci: wali mujbir; perkahwinan bawah umur; umur minimum perkahwinan

Abstract

Under the Syafie school of law, a father and paternal grandfather as 'wali mujbir' (forceful guardian) can give his virgin daughter in marriage without prior consent from the daughter. In contrast, the provisions of Islamic family law in Malaysia have set a minimum age of marriage for a woman at 16-years, and a marriage shall not be solemnised if the woman is a minor except with the approval of the Syarie judge. These conflicting facts create confusion especially among those unfamiliar with the Shariah and the law. This article attempts to identify the limitation of the authority of 'wali mujbir' in underage marriage. It also discusses the objective and wisdom behind the limitation as outlined under Hukum Syarak and the provision. It will also seek to see whether the existing law practiced in Malaysia today is contrary to Islamic law. To achieve these objectives, the

document analysis method is used by reviewing the authoritative classical books of fiqh. Apart from that, reference to the provisions in the Islamic Family Law Act is also made to achieve the objective. The research shows that although the legislation has authorized the wali mujbir with the power to force his daughter or granddaughter's marriage, there are certain conditions that the wali must adhere to before he could exercise the power. The conditions are in fact in line with the objectives behind the minimum age provision i.e to protect the well being of the prospective bride.

Keywords: forceful guardian (wali mujbir), underage marriage, minimum age of marriage

Pendahuluan

Isu perkahwinan kanak-kanak perempuan bawah umur mula dibahaskan oleh pelbagai lapisan masyarakat tempatan setelah berlakunya dua kes perkahwinan kanak-kanak di negeri Kelantan tidak berapa lama sebelum ini. Isu ini kemudian dianggap serius oleh beberapa pihak berkenaan, termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat apabila menterinya telah menggesa Pejabat Peguam Negara dan Ketua Polis Negara agar menyasat kes perkahwinan dua kanak-kanak bawah umur tersebut (Utusan Malaysia Online 2010).

Menurut al-Khatib al-Syirbini, salah satu rukun asas untuk mengesahkan sesebuah perkahwinan adalah keizinan perkahwinan daripada wali bakal pengantin perempuan (al-Syirbini 1994, 4: 239-243). Keizinan ini adalah perlu kerana perempuan merupakan golongan yang lemah dan sentiasa berhajat kepada layanan dan pimpinan daripada kaum lelaki (Haron Din 2008, 29). Antara senarai wali bagi seorang perempuan, bapa atau datuk kandung (sebelah bapa) dan ke atas merupakan wali mujbir (al-Khin 1998, 2: 62) yang berhak mengahwinkan anak atau cucunya yang masih gadis walaupun tanpa kebenaran anak atau cucu tersebut. Mereka pada bila-bila masa boleh mengahwinkan anak atau cucu perempuannya dengan pasangan lelaki pilihan mereka (al-Jaziri 1999, 4: 27). Walaupun begitu terdapat beberapa syarat yang perlu dipenuhi oleh wali mujbir sebelum memastikan beliau boleh mengahwinkan anak atau cucu perempuannya itu.

Di Malaysia, perkahwinan seseorang muslim bukan sahaja perlu memenuhi hukum syarak, malah perlu diakadnikahkan mengikut Enakmen atau Akta Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri dan didaftarkan di bawah Undang-undang Keluarga Islam Malaysia yang dipakai oleh setiap negeri. Peruntukan ini secara dasarnya adalah sama bagi setiap negeri dan undang-undang telah memperuntukkan had minimum umur setiap pasangan lelaki dan perempuan. Bagi maksud perbincangan ini, rujukan dibuat kepada Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (selepas ini disebut seksyen 8 Akta 303) melainkan ada keperluan bagi menyebut peruntukan enakmen negeri selainnya. Seksyen 8 Akta 303 telah menyatakan bahawa tiada sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan atau didaftarkan jika seseorang perempuan berumur kurang daripada 16 tahun kecuali setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Hakim Syarie. Peruntukan ini jelas menunjukkan wujudnya had umur minimum bagi seorang perempuan untuk berkahwin.

Jika dilihat secara umum terhadap peruntukan had umur minimum perkahwinan ini tanpa memperhalusi dengan lebih mendalam, ia seolah-olah bercanggah dengan hak seorang wali mujbir yang boleh mengahwinkan anak atau cucunya tanpa perlu meminta sebarang kebenaran daripada mana-mana pihak termasuk bakal pengantin perempuan mahupun pihak ketiga. Konflik antara dua isu ini telah membawa kepada pelbagai persepsi dalam kalangan masyarakat yang prihatin terhadap isu perkahwinan gadis bawah umur.

Ada yang mempersoalkan autoriti seorang wali mujbir dalam mengahwinkan anak atau cucu perempuannya, apabila hak mereka seolah-olah cuba dicabar oleh peruntukan yang termaktub dalam seksyen 8 Akta 303 tersebut. Keadaan ini akan membawa kepada salah faham masyarakat Islam terhadap Undang-undang Keluarga Islam Malaysia, terutamanya bagi masyarakat awam yang tidak mempelajari isu-isu perkahwinan secara mendalam.

Justeru, dengan menggunakan kaedah analisis dokumen, artikel ini akan menjelaskan ketetapan bidang kuasa wali mujbir dalam mazhab Syafie melalui sorotan kajian oleh ulama yang berautoriti dalam bidang fiqh. Ia juga bertujuan mengenalpasti objektif atau masalah disebalik ketetapan beberapa syarat tertentu dalam penggunaan kuasa oleh wali mujbir dan objektif disebalik peruntukan had usia perkahwinan dalam Undang-undang Keluarga Islam Malaysia. Seterusnya artikel ini akan mengupas sama ada terdapat pertentangan atau tidak antara ketetapan hukum syarak dalam pemberian kuasa kepada wali mujbir dan peruntukan had umur minimum perkahwinan.

Bidang Kuasa Wali Mujbir dalam Mazhab Syafie

Wali mujbir ialah wali nikah yang berkuasa untuk mengahwinkan seorang gadis dengan sesiapa sahaja yang dia persetujui. Mereka hanya terdiri daripada dua orang ahli keluarga bakal pengantin perempuan iaitu bapa kandungnya dan ayah kepada bapa kandung iaitu datuknya serta ke atas (al-Jaziri 1999, 4: 26). Hak untuk paksa ini jelas pada kata nama wali mujbir itu sendiri. *Mujbir* dalam bahasa Arab merupakan kata nama pelaku kepada kata perbuatan memaksa seseorang (Ahmad Ayid et al. 1989, 226).

Ijbar atau kuasa memaksa yang ada pada seorang wali mujbir adalah berasaskan kepada dua perkara. Pertama, wali melakukan paksaan dengan sebab adanya perasaan belas kasihan dan mengambil berat tentang masa hadapan orang yang berada di bawah jagaannya, khususnya ketika mereka dalam kelalaian. Kedua, wali melakukan paksaan berdasarkan pandangan dan pendapatnya bahawa pemilihan yang dilakukannya itu adalah lebih baik dan boleh memberi faedah kepada orang yang berada di bawah jagaannya. Oleh itu, seorang bapa atau datuk boleh mengahwinkan anak atau cucunya jika dia memikirkan bahawa pilihannya itu baik dan munasabah serta akan memberi faedah kepada perempuan tersebut (Mohamad Som dan Abdul Basir 2006, 35).

Menurut Imam al-Nawawi, bagi seorang anak gadis yang masih kecil iaitu belum baligh, bapanya berhak untuk mengahwinkannya walaupun secara paksa dengan mana-mana lelaki tanpa perlu meminta keizinan atau pandangan anaknya (al-Nawawi t.th., 17: 264). Datuknya juga berhak berbuat demikian sekiranya bapa kepada gadis itu telah meninggal dunia atau tidak memenuhi syarat-syarat wali seperti bapanya seorang murtad atau gila (al-Mawardi 1999, 9: 52). Gadis atau anak dara merujuk kepada wanita yang belum hilang daranya disebabkan persetubuhan (Qal'ah Ji 1986, 1: 318). Dara merupakan selaput nipis yang menutupi faraj seorang wanita (Qal'ah Ji 1992, 115). Ini bermakna, kanak-kanak yang telah hilang daranya disebabkan kemalangan atau mengalami penyakit tertentu, masih lagi dianggap anak dara (al-Khin et al. 1998, 2: 63).

Fenomena perkahwinan tanpa izin kanak-kanak perempuan oleh wali mujbir ini sebenarnya pernah berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w., apabila Saidina Abu Bakar r.a. mengahwinkan anaknya Saidatina A'isyah r.a. dengan Rasulullah s.a.w. ketika berusia tujuh tahun. Saidatina A'isyah telah menyatakan dalam sebuah *athar*:

روي عن عائشة أنها قالت: تزوّجني رسولُ الله (ﷺ) لستِ سنينَ، وبنى بي وأنا بنتُ تسعِ سنينَ

Maksudnya:

Diriwayatkan dari Saidatina A'isyah r.a. bahawasanya dia berkata: "Rasulullah telah mengahwini aku ketika berusia tujuh tahun, dan aku telah tinggal bersama baginda semasa berusia sembilan tahun."

(al-Nawawi t.th., 9: 192, no. 1422)

Hadith ini menunjukkan bahawa Saidina Abu Bakar al-Siddiq mengahwinkan anak perempuannya dengan Rasulullah s.a.w. bukan dengan permohonan atau keizinan anaknya, kerana Saidatina A'isyah r.a. ketika itu masih kecil dan masih terlalu muda untuk diminta keizинannya. Keadaan ini menunjukkan keharusan seorang bapa menggunakan kuasa wali yang ada padanya untuk menikahkan anak gadis tanpa sebarang izin anak tersebut (al-Nawawi t.th., 17: 264). Selain itu, antara sahabat lain yang pernah menikahkan anak mereka di bawah usia baligh ialah Saidina Ali bin Abi Talib r.a. yang telah menikahkan puterinya Ummu Kalsum dengan Saidina Umar ibn al-Khattab r.a., dan Zubair telah menikahkan puterinya dengan Qudamah ibn Matghun (Ibn Qudamah 1999, 9: 398). Perkahwinan kanak-kanak perempuan dengan para sahabat ini tidak berlaku dengan kehendak dan keizinan kanak-kanak itu sendiri, bahkan urusan perkahwinan ini diuruskan oleh wali mujbirnya.

Bagi perkahwinan anak gadis yang telah baligh pula, walaupun seorang bapa dan datuk tetap mempunyai kuasa ijbar, namun mereka disunatkan memohon keizinan daripada anak atau cucunya sebelum mengahwinkannya dengan mana-mana lelaki pilihan (al-Syirazi 2002, 2: 52). Keizinan itu memadai dengan mendiamkan diri (al-Mawardi 1999, 9: 57), kerana seorang anak gadis pada adatnya malu untuk menzahirkan keinginannya untuk berkahwin (al-Zuhayli 1997, 9: 6718). Walaupun begitu, ia bukan merupakan syarat untuk mengharus dan mengesahkan akad nikah, bahkan hanya sebagai tanda penghormatan bagi menyenangkan hati bakal pengantin tersebut. Antara dalil yang menjadi asas kepada perkara ini ialah sebuah hadith yang berbunyi:

قال رسول الله (ﷺ): «الْأَيِّمُ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيِّهَا، وَالْبِكْرُ تَسْتَأْذِنُ فِي نَفْسِهَا، وَإِذْنُهَا صَمَاتُهَا»

Maksudnya:

Rasulullah s.a.w. bersabda: "Janda lebih berhak terhadap dirinya daripada walinya. Bagi anak dara pula, kamu hendaklah meminta izinnya dan keizинannya ialah diamnya".

(al-Tirmizi 1992, 2: 437, no. 1114)

Pada awal hadith jelas menyatakan bahawa seorang janda berhak ke atas dirinya dalam membuat keputusan untuk berkahwin. Seterusnya Rasulullah s.a.w. menjelaskan situasi bagi anak dara iaitu seorang bapa perlu meminta keizinan sebelum mengahwinkannya. Penerangan dua situasi ini menunjukkan wujudnya perbezaan antara kes janda dengan anak dara. Sekiranya keizinan daripada anak dara yang dimaksudkan dalam hadith ini adalah wajib sama seperti kes janda, maka tidak perlu nabi Muhammad s.a.w. menerangkan fakta dua kes ini dalam struktur ayat yang berbeza (al-Nawawi t.th., 17: 265). Apabila disebut 'janda lebih berhak terhadap dirinya daripada walinya', ia secara langsung menunjukkan 'wali kepada anak dara lebih berhak dari dirinya'. Walaupun jelas dalam hadith menyatakan 'kamu (wali) hendaklah meminta izin', namun suruhan ini tidak menunjukkan suruhan wajib, malah hanya sebagai suruhan sunat yang bertujuan untuk menyenangkan hati anak dara tersebut. Sekiranya suruhan dalam hadith ini diandaikan sebagai suruhan wajib, maka situasi ini adalah sama dengan kes janda, iaitu seolah-olah hadith menyatakan 'anak dara lebih berhak terhadap dirinya daripada walinya' (al-Mawardi 1999, 9: 52). Namun, persamaan hukum antara dua kes ini tidak mungkin berlaku kerana dalam hadith ini, jelas memisahkan antara fakta berkaitan janda dan anak dara.

Hasil sorotan kajian daripada karya-karya fiqh aliran mazhab Syafie ini didapati bahawa kuasa ijbar atau paksaan dalam perwalian perkahwinan adalah bergantung kepada *bikarah* (gadis/anak dara) tanpa mengambil kira usia gadis tersebut, dan bukan berasaskan *sighar* (kecil/belum baligh). Ini bermakna selagi seorang perempuan itu masih gadis sama ada belum atau telah baligh, bapa atau datuknya tetap mempunyai kuasa untuk mengahwinkannya tanpa perlu meminta izinnya. Sorotan juga menunjukkan seorang wali mujbir tidak perlu memohon kebenaran daripada mana-mana pihak ketiga termasuk daripada pemerintah, hakim atau selainnya.

Kelayakan sebagai Wali Mujbir

Meskipun bapa dan datuk sebelah bapa mempunyai kuasa ijbar terhadap anak atau cucu perempuannya, namun kuasa untuk mengahwinkan tanpa izin bakal pengantin perempuan ini tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya oleh wali mujbir. Dalam mazhab Syafi'e, sesebuah perkahwinan tanpa izin daripada bakal pengantin perempuan hanya dikira sah apabila memenuhi tiga syarat. Syarat pertamanya ialah tiada unsur permusuhan yang ketara antara wali dengan anak atau cucu perempuannya yang akan dikahwinkan. Seterusnya, bakal pengantin lelaki yang dicalonkan oleh wali mesti sekufu dengan bakal pengantin perempuan. Manakala syarat ketiga pula, calon suami merupakan seorang lelaki yang berkemampuan untuk membayar mahar kepada calon isteri. Ini bermakna perkahwinan tanpa izin daripada bakal pengantin perempuan tidak akan sah apabila tidak memenuhi syarat-syarat tersebut (al-Syirbini 1994, 4: 246).

Apabila ketiga-tiga syarat ini telah dipenuhi, seseorang wali mujbir masih lagi tidak berhak memaksa anak atau cucunya untuk berkahwin melainkan setelah memenuhi syarat yang mengharuskan paksaan untuk menikahkannya pula. Syarat tersebut adalah calon isteri mesti dibayar dengan mahar misil dari nilai mata wang tempatan dan calon suami mesti bukan daripada lelaki yang menyukarkan isteri untuk menyesuaikan diri dengannya seperti orang yang terlalu tua dan buta. Selain itu, calon isteri juga mesti dipastikan masih belum memenuhi syarat wajib haji. Ini kerana apabila dia dikahwinkan, kewajipan menunaikan haji mungkin perlu ditangguhkan dalam keadaan dia sendiri ingin menunaikannya secara segera (al-Syirbini 1994, 4: 246).

Penetapan syarat-syarat ini secara umumnya memperlihatkan bahawa pandangan mazhab Syafi'e begitu ketat dalam pemberian kuasa kepada wali mujbir untuk mengahwinkan anak atau cucu perempuannya tanpa persetujuan mereka. Ini bermakna bukan semua bapa atau datuk boleh mengahwinkan anak atau cucu dengan calon pilihannya sendiri, malah kuasa paksa itu mungkin hilang sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan itu. Tiga syarat pengesahan perkahwinan secara ijbar itu sebenarnya adalah untuk memastikan kepentingan atau masalah calon pengantin perempuan terpelihara. Penetapan syarat tiada unsur permusuhan antara wali dan pengantin adalah bagi memastikan wali tidak mengambil kesempatan atau bertujuan menzalimi anak gadis tersebut. Hak dari segi pemberian mas kahwin pasti terlaksana apabila pengantin lelaki telah dipastikan terdiri daripada golongan yang berkemampuan. Penetapan kafa'ah pula sekurang-kurangnya akan membantu pembentukan institusi keluarga ke arah yang lebih selesa dan bahagia. Ini kerana perbezaan yang terlalu ketara antara suami dengan isteri dalam aspek-aspek yang tertentu, hanya akan menimbulkan pelbagai masalah dalam meneruskan kehidupan berkeluarga. Selain daripada tiga syarat sah tersebut, syarat-syarat yang mengharuskan paksaan perkahwinan oleh wali mujbir turut menunjukkan bahawa Islam menjaga kepentingan seorang gadis dengan memastikan bakal suami terdiri daripada golongan lelaki yang bertanggungjawab dari sudut peribadi dan ekonomi. Secara keseluruhannya, kesemua penetapan syarat-syarat tersebut adalah mengambil kira tujuan asal pensyariatan wali dalam perkahwinan iaitu untuk menjaga kepentingan gadis (Basri 1997, 14).

Kuasa Wali Mujbir di Bawah Peruntukan Perundangan

Sebarang perkahwinan pasangan muslim di Malaysia hendaklah diakadnikahkan mengikut Enakmen atau Akta Undang-undang Keluarga Islam di setiap negeri serta memenuhi hukum syarak (Noor Aziah 2006, 30). Peruntukan undang-undang telah mengambilkira kedudukan wali. Keperluan kepada keizinan wali diperuntukkan dengan jelas dan sesuatu perkahwinan itu tidak boleh didaftarkan melainkan wali telah bersetuju terhadap perkahwinan tersebut. Seksyen 13 Akta 303 memperuntukkan:

Suatu perkahwinan adalah tidak diakui dan tidak boleh didaftarkan di bawah Akta ini melainkan kedua-dua pihak kepada perkahwinan itu telah bersetuju terhadapnya, dan sama ada:

- (a) Wali pihak perempuan telah bersetuju terhadap perkahwinan itu mengikut Hukum Syarak; atau
- (b) Hakim Syarie yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana pihak perempuan itu bermastautin atau seseorang yang diberi kuasa secara am atau khas bagi maksud itu oleh Hakim Syarie itu telah, selepas penyiasatan wajar di hadapan semua pihak yang berkenaan, memberi persetujuannya terhadap perkahwinan itu oleh wali Raja mengikut Hukum Syarak; persetujuan tersebut boleh diberi jika perempuan tiada mempunyai wali dari nasab mengikut Hukum Syarak atau jika wali tidak dapat ditemui atau jika wali enggan memberikan persetujuannya tanpa sebab yang mencukupi.

Walau bagaimanapun, Akta 303 tidak pula menyebut tentang kuasa wali mujbir secara terperinci (Mimi Kamariah 1992, 35).

Dalam kes *Syed Abdullah al-Shatiri v Syarifah Salmah* ([1959] 1 MLJ 137), seorang bapa yang merupakan wali mujbir telah mengahwinkan anak perempuannya dengan seorang lelaki berbangsa Arab. Syed Abdullah al-Shatiri telah merayu supaya perintah Mahkamah Syariah yang telah membatalkan perkahwinan itu diketepikan. Rayuannya dibenarkan oleh Lembaga Rayuan dan Yang Arif Hakim Syarie telah memetik pandangan Mazhab Syafi'e seperti yang terdapat dalam kitab Minhaj at-Talibin karangan Imam Nawawi:

Seseorang bapa boleh mengikut kehendaknya mengahwinkan anak perempuannya tanpa meminta izinnya, tidak kira berapa umurnya dengan syarat anak itu masih anak dara. Walau bagaimanapun adalah sunat berunding dengannya mengenai bakal suaminya itu; dan izin rasminya ke atas perkahwinan itu adalah perlu jika dia telah kehilangan daranya. Manakala seseorang bapa mengahwinkan anak perempuan sewaktu anak itu masih di bawah umur, maka anak perempuan itu tidak boleh diserahkan kepada suaminya sebelum dia mencapai umur akil baligh. Jika berlaku kegagalan pada pihak bapanya, maka bapa kepada bapanya (datuknya sebelah bapa) hendaklah menjalankan semua kuasanya. Kehilangan dara menghapuskan hak mengahwinkan anak perempuan tanpa izinnya, dan tidak ada perbezaan di dalam aspek ini bahawa kehilangan dara antara yang disebabkan oleh persetubuhan yang halal dengan yang diakibatkan oleh persetubuhan haram. Sebaliknya hak itu tetap tidak terjejas jika kehilangan itu berlaku tanpa persentuhan badaniah, umpamanya akibat terjatuh ke atas tanah.

Mahkamah juga mengambil pandangan Syeikh Abdul Kadir bin Muhammad al-Makkawi yang menyatakan:

Seseorang bapa atau datuk mengahwinkan seorang anak dara tanpa persetujuan anak dara itu adalah sah dengan syarat:

1. Tidak terdapat sifat permusuhan yang nyata antara anak dara itu dengan bapanya atau datuknya yang mengahwinkannya dan tidak pula terlindung daripada pengetahuan orang-orang di tempat anak dara itu berada.
2. Suami itu sama taraf (sekufu) dengan anak dara itu.

3. Suami itu mampu membayar mas kahwin.
4. Tidak terdapat sifat permusuhan baik di luar mahupun di dalam antara anak dara itu dengan si suami.
5. Bapa atau datuk itu tidak boleh mengahwinkan anak daranya dengan mas kahwin yang terkurang menurut nilai mata wang negara itu.

Had Kuasa Wali dalam Perkahwinan Bawah Umur

Perundangan di setiap negeri di Malaysia telah memperuntukkan had minimum umur perkahwinan bagi calon pasangan lelaki dan perempuan. Peruntukan ini mesti dipatuhi oleh mereka yang ingin melangsungkan perkahwinan, bahkan sesebuah perkahwinan yang melanggar akta atau enakmen tersebut tidak boleh didaftarkan. Antara negeri terawal di Malaysia yang telah membuat peruntukan tersebut adalah negeri Johor (Ahmad Ibrahim 1999, 38), yang memperuntukkan setiap perempuan yang hendak dinikahkan itu hendaklah berumur tidak kurang daripada 16 tahun dan bagi lelaki yang hendak dinikahkan hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun, melainkan dengan sebab-sebab tertentu dan kebenaran Kadi Besar (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978, s 113(6)). Walau bagaimanapun, peruntukan ini telah dimansuhkan oleh Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Johor 2003, fasal 8 (Ahmad Ibrahim 1999: 38). Seksyen 8 Akta 303 memperuntukkan:

Tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan di bawah Akta ini jika lelaki itu berumur kurang daripada lapan belas tahun atau perempuan itu berumur kurang daripada enam belas tahun kecuali jika Hakim Syarie telah memberi kebenarannya secara bertulis dalam hal keadaan tertentu.

Ini bermakna, walaupun bapa atau datuk sebagai wali mujbir membenarkan perkahwinan, setiap perkahwinan bagi gadis yang berusia di bawah 16 tahun perlu membuat permohonan dan mendapatkan kebenaran daripada Hakim Syarie sebelum boleh dikahwinkan. Manakala bagi perempuan yang telah melebihi usia tersebut, pendaftaran perkahwinan boleh dilakukan setelah mendapat keizinan wali, tanpa perlu mendapat keizinan bertulis dari pihak mahkamah.

Limitasi di dalam peruntukan ini menimbulkan salah faham akan adanya konflik antara perundangan dengan kuasa yang diperuntukkan dalam syarak. Walau bagaimanapun, hakikatnya kebenaran dari mahkamah adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada mahkamah menyelidiki gadis itu dari segi latar belakang, keadaan fizikal, kemampuan untuk berumah tangga dan demi menjaga kepentingan kanak-kanak itu sendiri (Mohamad Isa 2010). Hakim akan memanggil pihak-pihak yang terlibat untuk mengetahui alasan bagi melaksanakan perkahwinan dan menimbang sama ada perkahwinan itu adalah munasabah untuk diadakan atau tidak. Walau bagaimanapun, di negara ini, perkahwinan bagi gadis yang masih di bawah umur bukan merupakan satu kelaziman dalam majoriti keluarga di Malaysia. Merujuk kepada kajian yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Penduduk dan Keluarga, min umur perkahwinan pertama bagi perempuan di Semenanjung Malaysia antara 1991 hingga 2004 adalah antara 24 tahun hingga 25 tahun (LPPKN 2004). Perangkaan ini menunjukkan perkahwinan bawah umur di Malaysia bukan sesuatu yang lazim, malah peningkatan min umur yang berterusan menunjukkan kesediaan individu untuk berkahwin adalah pada fasa 20-an dan ke atas.

Apa yang dapat dinyatakan di sini, pendekatan yang digunakan dalam perundangan keluarga Islam dengan mensyaratkan kebenaran Hakim Syarie bagi perkahwinan bawah umur adalah bersifat *saddu zara'i* iaitu menutup pintu kepada kemudahan bagi menjaga masalah anak supaya tidak berlaku sebarang penindasan terhadap mereka dan mereka boleh bebas menentukan masa depan mereka sendiri tanpa dipaksa oleh mana-mana pihak. Mahmood Zuhdi (2006, 375) juga berpendapat bahawa peruntukan ini dianggap lebih

sesuai dengan tradisi orang Islam di negara ini, kerana menjadi suatu nilai yang diterima umum bahawa wanita tidak sepatutnya membelakangkan keluarga termasuk walinya dalam menentukan perkahwinannya.

Kesimpulan

Keizinan wali bakal pengantin perempuan adalah penting dalam memastikan pengesahan sesebuah akad perkahwinan menurut syarak. Islam telah memberikan kuasa kepada bapa dan datuk sebelah bapa ke atas sebagai wali mujbir untuk mengahwinkan anak atau cucu mereka yang masih gadis walaupun tanpa keizinan gadis tersebut. Walau bagaimanapun, ahli fuqaha' sangat berhati-hati dalam memastikan kepentingan gadis terpelihara iaitu dengan cara menetapkan syarat-syarat sah perkahwinan tanpa izin dan syarat-syarat untuk mengharuskan paksaan.

Kekeliruan timbul apabila perundangan di Malaysia telah memperuntukkan had minimum umur perkahwinan bagi bakal pengantin perempuan. Perkahwinan di bawah usia 16 tahun perlu mendapat keizinan daripada mahkamah walaupun wali mujbir telah bersetuju dengan perkahwinan tersebut. Walaupun begitu, ini tidak bermakna mahkamah syari'ah mempunyai kuasa penuh untuk tidak membenarkan perkahwinan itu. Sekiranya Hakim Syar'i mendapati kemaslahatan bakal pengantin perempuan terpelihara dengan perkahwinan tersebut, pihak mahkamah tidak berhak untuk menghalang wali mujbir untuk mengahwinkan anak atau cucu dengan lelaki pilihannya.

Sekiranya dilihat secara umum terhadap dua isu ini, walaupun seolah-olah terdapat percanggahan antara kuasa wali mujbir dengan peruntukan had umur minimum perkahwinan, namun konflik ini adalah secara literal sahaja. Walaupun kuasa ijbar atau paksaan telah diberi kepada wali mujbir terhadap anak atau cucunya, namun kuasa itu tetap akan hilang sekiranya seseorang wali tidak memenuhi beberapa syarat yang disebutkan sebelum ini. Dalam peruntukan seksyen 8 Akta 303 pula, walaupun Undang-undang Keluarga Islam Malaysia telah menetapkan had umur minimum perkahwinan, namun sekiranya wali mujbir telah menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh syarak, maka kuasa wali mujbir tetap akan terpelihara.

Dapat disimpulkan bahawa peruntukan had umur minimum perkahwinan dalam seksyen 8 Akta 303 tidak pernah bercanggah dengan ketetapan hukum syarak dalam memberikan kuasa paksa kepada wali mujbir. Bahkan, kedua-dua ketetapan dan peruntukan ini adalah mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk memastikan kemaslahatan bakal pengantin perempuan. Oleh itu, perundangan ini seharusnya dipandang dari sudut positif sebagai mengambil kira pandangan mazhab Syafie, yang merupakan satu tindakan awal untuk memastikan syarat-syarat yang telah ditetapkan ini dipenuhi terlebih dahulu, sebelum seseorang wali mujbir menggunakan kuasa tersebut.

Rujukan

- Ahmad Ayid, Ahmad Mukhtar Umar, al-Jailani Yahya, Daud Abduh, Soleh Jawad Ta'mah & Nadim Marasyali, 1989, *al-Mu'jam al-Arabiy al-Asasi*, t.tp.: Larus.
- Ahmad Ibrahim, 1999, *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd.
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, 2000, Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Bashir A. Mallal, 1959, *The Malayan Law Journal*, Singapore: Malayan Law Journal.
- Basri Ibrahim, 1997, *Pemantapan Sistem Kekeluargaan*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad, 1999, *al-Mughni*, Ulang cetak, Jil. 9, Jeddah: Dar 'Alam al-Kutub.
- Haron Din, 2008, *Islam Panduan Komprehensif Keluarga Bahagia*, Ulang cetak, Kuala Lumpur: PTS Millenia.
- Islamic Family Law (Federal Territory) Act, 1984 (Act 303)*, Kuala Lumpur: International Law Books Services.
- al-Jaziri, 'Abd Al-Rahman., 1999, *Kitab al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah*, Jil. 4, Kaherah: Dar al-Manar.
- al-Khin, Mustafa, al-Bugha, Mustofa, & al-Syarbiji, Ali., 1998, *al-Fiqh al-Manhaji 'Ala Madhahib al-Imam al-Syafi'i*, Jil. 2, Ulang cetak, Beirut: Dar al-Syamiyyah.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2004, *Kajian penduduk dan keluarga Malaysia ke-empat 2004*.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid, 2006, *Persetujuan Wali dalam Perkahwinan: Kajian Perbandingan antara Fiqah Islam dan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*, Dlm. Abd. Monir & Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.), *Manual Undang-undang keluarga Islam*, Kuala Lumpur: IKIM.
- al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali ibn Muhammad ibn Habib., 1999, *Al-Hawi al-Kabir fi Fiqh Madhhab al-Imam al-Syafi'i*, Jil. 11, Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- Mimi Kamariah Majid, 1992, *Undang-undang Keluarga di Malaysia*, Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd.
- Mohamad Isa Abd Ralip, 2010, *Perkahwinan Bawah Umur Perlu Izin Mahkamah*, Berita Harian Online, <http://www.bharian.com.my>, bertarikh 19 Mei 2011.
- Mohamad Som Sujiman & Abdul Basir Mohamad, 2006, *Fikah Kekeluargaan*, Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nawawi, Abu Zakariya Mahy al-Din ibn Syarf., t.th., *Majmu' Syarh al-Muhazzab*, Damsyiq: Idarah al-Tiba'ah al-Munirah.
- _____, t.th., *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi*, Kaherah: Maktabah Al-Safa.
- Noor Aziah Mohd Awal, 2006, *Wanita dan Undang-undang*, Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Qal'ah Ji, Muhammad Rawwas., 1986, *Mausu'ah Fiqh Ibrahim al-Nakha'i Asruhu wa Hayatuhu*, Ulang cetak, Jil. 1, Beirut: Dar al-Nafais.
- _____, 1992, *Mausu'ah Fiqh Abdullah ibn Mas'ud*, Ulang cetak, Beirut: Dar al-Nafais.

- al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Ali Yusuf., 1999, *Al-Muhazzab fi Fiqh Mazhab al-Imam al-Syafi'e*, Jil. 2, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Syirbini, Syams al-Din Muhammad ibn Muhammad al-Khatib., 1994, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, Jil. 5, Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah.
- al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad ibn Isa ibn Surah., 1992, *Sunan al-Tirmizi*, Moh. Zuhri, Muslich Shabir, Muqoffin Muhtar & Muqarrabin Misbah., (Terj.), Semerang: CV. Asy Syifa'.
- Utusan Online, 2010, Shahrizat Gesa Peguam Negara, Polis Siasat Segera, Utusan Online, <http://www.utusan.com.my>., bertarikh 19 Mei 2011,
- al-Zuhayli, Wahbah., 1997, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Jil. 9, Ulang cetak, Damsyiq: Dar Al-Fikr.
-

SYH NOORUL MADIHAH SYED HUSIN

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: madihah@unisza.edu.my

TENGGU FATIMAH MULIANA TENGGU MUDA

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.
Emel: tg_fatimah@unisza.edu.my